



PERGINYA SEORANG ULAMA

'Hati amat berat, tapi itu pesan Baba'

SHAH ALAM – Jenazah Mursyidul Am Pas, Datuk Dr. Haron Din disemadikan di California, Amerika Syarikat, seperti amanatnya sebelum ini.

Pengesahan itu dibuat ahli keluarga Allahyarham melalui satu kemas kini di Facebook rasmi beliau.

Keputusan itu diambil kerana mereka mahu menguruskan jenazah Allahyarham dengan cepat dan sempurna.

"Baba (panggilan untuk arwah) akan disemadikan di California. Kami ada beberapa pilihan termasuk membawa baba balik ke Malaysia. Semua pilihan ada pro dan kontra. Kami berbincang dan menimbang semua itu. Bukan mudah untuk kami membuat keputusan. Hati amat berat.

"Kami memilih untuk menguruskan jenazah Baba dengan sempurna dan cepat. Baba berpesan beberapa kali kepada kami bahawa di mana dia menghembus nafas terakhir, di situ dia bersemadi. Maka kami akan kuburkan Baba di California," katanya.

Jenazah Allahyarham akan dimandikan pada pagi Jumaat waktu Amerika Syarikat dan dikafankan sebelum disembahyangkan selepas solat Jumaat di Masjid An-Nur, Santa Clara, California.

Allahyarham dilaporkan telah mengamanatkan kepada ahli keluarga dan rakan seperjuangannya di Perlis

Langkah akhir Allahyarham Haron Din

LANGKAH ulama tersohor, Datuk Dr. Haron Din meninggalkan Malaysia pada minggu lalu nyata langkahnya yang terakhir.

Sudah tertulis, perjalanannya berakhir di negara Uncle Sam kira-kira jam 7.05 petang (waktu Amerika Syarikat, 15 September), 10.05 pagi, 16 September waktu tempatan ketika sedang menerima rawatan masalah jantung dihidapinya sekian lama.

Menghembuskan nafas terakhir pada usia 76 tahun, Haron Din meninggalkan seorang isteri, Datin Khatijah Salleh dan lima orang anak.

Allahyarham lahir pada 18 Ogos 1940 di Bohor Mali, Kangar, Perlis dan merupakan anak ketiga daripada 10 orang adik-beradik manakala ibu bapanya merupakan guru al-Quran di kampung tersebut.

Beliau menerima pendidikan awal dengan kedua ibu bapanya sebelum ditempatkan ke Madrasah al-Islahiah al-Wataniah Bohor Mali, Madrasah al-'Alawiyah al-Diniah dan Kolej al-Islamiah, Klang, Selangor.

Beliau kemudiannya melanjutkan pelajaran di Kolej Islam Malaya (1962-1965) dan

ditawarkan Biasiswa Persekutuan melanjutkan pengajian di Universiti Al-Azhar, Mesir (1966-1968).


Setelah memperoleh Ijazah Sarjana Syariah, beliau kembali ke tanah air dan berkhidmat sebagai guru agama di Kementerian Pelajaran sebelum kembali ke Mesir untuk melanjutkan pengajiannya dalam bidang Doktor Falsafah.

Beliau pulang ke tanah air dan berkhidmat sebagai pensyarah di Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan kemudiannya dilantik sebagai Timbalan Dekan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (1977-1985).

Beliau juga pernah dilantik sebagai Ahli Majlis Penasihat

AL-FATIHAH

1940-2016



Syariah, CIMB; Ahli Majlis Penasihat, Bank Negara Malaysia; Majlis Penasihat Syariah, Suruhanjaya Sekuriti; Ahli Majlis Fatwa Negeri Selangor; Timbalan Pengerusi Majlis Penasihat Syariah, Bank Pembangunan; Pengerusi Majlis Penasihat Syariah, RHB Bank; Timbalan Pengerusi Majlis Penasihat Syariah, Public Bank Bhd; Ahli Majlis Fatwa Negeri Perlis dan Ahli Majlis Penasihat Syariah, Muamalah Financial Consulting.

Perjalanan politik Allahyarham bermula ketika berusia 34 tahun sekitar tahun 1974 dan dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Kerja Pas Pusat (1975-1983).

Beliau turut pernah dilantik sebagai Ketua Penerangan Pas

Pusat; Ahli Majlis Syura Ulama Pas; Timbalan Mursyidul Am Pas dan yang terakhir ialah sebagai Mursyidul Am Pas hingga ke akhir hayatnya.

Allahyarham juga merupakan pengasas Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam Malaysia (Darussyifa') iaitu sebuah klinik rawatan Islam alternatif yang terkenal dalam kalangan umat Islam.

'Darussyifa', yang ditubuhkan pada 17 April 1988 di Bangi kini memiliki lebih daripada lima cawangan di Lembah Klang dan Negeri Sembilan.

Pada 2010, Allahyarham dipilih sebagai penerima Anugerah Tokoh Maal Hijrah 1432 Selangor.

Dengan ilmu yang luas dalam bidang agama, kerajaan turut melantik beliau sebagai ketua kluster dakwah dalam Majlis Perundingan Islam (MPI) yang diadakan Februari lalu.

Mempunyai bakat dalam bidang penulisan, Allahyarham telah menulis beberapa buku ilmiah termasuk Manusia dan Islam, Falsafah Pendidikan Islam, Obor Islam, Tasawur Islam dan Hudud dalam Perundangan Islam. **AL-FATIHAH.**

untuk mengembalikannya di Amerika Syarikat jika ditakdirkan meninggal dunia di negara itu.

Satu kehilangan besar

Sinar Harian
17/9/2016
mls 2-

■ MOHD AZLIM ZAINURY

MARANG - Pas sifatkan pemergian Mursyidul Am Pas, Allahyarham Datuk Dr Haron Din menjadi satu kehilangan besar buat ummah dan perjuangan Islam Pas.

Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang berkata, rakyat yang mengenali Allahyarham pasti menjadi saksi bahawa beliau di sepanjang hayat telah menzahirkan istiqamahnya dalam usaha dan perjuangan agar tertegak Islam yang syumul khususnya syariah di bumi Malaysia tercinta ini.

"Sumbangan dan komitmen tinggi telah diteladani Almarhum

menjadikan beliau bintang bergemerlapan dalam kalangan kita dan tentunya seorang Tokoh Ummah yang sukar dicari ganti.

"Saya mewakili seluruh ahli dan pimpinan Pas merakamkan ucapan takziah kepada anggota keluarga Tuan Guru Datuk Dr Haron Din di atas pemergian Allahyarham pagi tadi (semalam), semoga roh beliau di tempatkan bersama para ambia, syuhada dan solihin," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyampaikan kuliah mingguan pagi Jumaat di Masjid Rusila, Marang, semalam.

Abdul Hadi berkata, Allahyarham Haron merupakan generasi



ABDUL HADI

awal lulusan Islam yang bersama perjuangan Islam Pas.

"Beliau merupakan generasi awal yang bersama dengan Pas, generasi awal yang lulusan Islam

bersama dengan Profesor Dr Zulkifli Mohamad dan kumpulan Islam.

"Kita harap semua sumbangan dia pada Islam, pada Pas diterima oleh ALLAH dan segala kekurangan dia diampunkan oleh ALLAH SWT," katanya.

Menurutnya, kira-kira jam 10.05 pagi semalam (waktu Malaysia), beliau menerima berita Haron telah kembali ke rahmatullah di Hospital Stanford University, Amerika Syarikat.

"Semoga ALLAH SWT mencucuri rahmat-Nya dan mengampuni Tuan Guru serta menggolongkan beliau darikalangan hamba-Nya yang soleh," katanya.



PERGINYA SEORANG ULAMA



Hasrat Dik Run mahu jumpa adik-beradik



“Semoga Allahyarham Datuk Dr Haron Din mendapat husnul khatimah dan rohnya ditempatkan di syurga yang penuh dengan nikmat ALLAH SWT.” - Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali



“Dari ALLAH kita datang dan kepada ALLAH kita kembali. Semoga ALLAH mencucuri rahmat ke atas rohnya. Amin.” - Timbalan Presiden Pas, Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man



BIODATA

Datuk Dr Haron Din
 Tarikh lahir: 18 ogos 1940
 Asal: Bohor Mali, Kangar Perlis
 Adik-beradik: 3 daripada 10 beradik
 Isteri: Datin Khadijah Salleh
 Anak: 5 orang (2 lelaki, 3 perempuan)

Pendidikan

- Madrasah al-Islahiyah al-Wataniah, Bohor Mali
- Madrasah al-'Alawiyah al-Diniah dan al-Kuliah al-Islamiah, Klang, Selangor
- Kolej Islam Malaya (1962-1965)
- Ijazah Sarjana (MA) Syariah – Universiti Al-Azhar (1966-1968)
- Diploma Pendidikan – 'Ain Shams, Universiti Cairo (1966-1968)
- PhD Syariah – Universiti Darul Ulum, Kaherah (1972-1974)

Kerjaya

- Pensyarah di Fakulti Pengajian Islam, UKM (1975 – 1976)
- Timbalan Dekan, Fakulti Pengajian Islam, UKM (1977-1985)
- Profesor di UKM (1986 hingga bersara)
- Ahli Majlis Penasihat Syariah, CIMB
- Ahli Majlis Penasihat, Bank Negara Malaysia
- Majlis Penasihat Syariah, Suruhanjaya Sekuriti
- Ahli Majlis Fatwa Negeri Selangor
- Timbalan Pengerusi Majlis Penasihat Syariah, Bank Pembangunan
- Pengerusi Majlis Penasihat Syariah, RHB Bank

■ NOR JULIANA YAACOB

KANGAR - “Belum sempat menghabiskan bacaan ayat suci al-Quran, saya mendapat berita pemergian adik kesayangan saya.”

Demikian kata Fatimah Din, 80, kakak sulung kepada Mursyidul Am Pas, Allahyarham Datuk Dr Haron Din atau lebih mesra dipanggil Dik Run dalam kalangan keluarga.

Fatimah berkata, semenjak mendapat perkhabaran keadaan adiknya yang tenat dari luar negara, dia bersama ahli keluarga yang lain bersama-sama membaca al-Quran.

“Kami bahagi seorang satu jujuk dan Alhamdulillah kami semua sempat khatam tiga kali namun begitu, untuk kali keempat, saya tidak sempat menghabiskan bacaan dan berbaki sebelah sahaja lagi,” katanya.

Menurutnya, dia sangat terkejut dengan pemergian Allahyarham.

“Tak sangka dia akan tinggalkan kami secepat ini.

“Bagi saya, Dik Run satu-satunya adik saya yang paling pemurah da-



ROHAYATI

pung bungkus setiap kali pulang ke Perlis.

“Sehari sebelum dia balik, dia telefon saya minta saya masak makanan kegemaran dia dan saya akan turut sahaja kehendak dia.

“Belum pernah saya tak tunai-kan permintaan dia kerana dia terlalu baik sehingga susah untuk saya gambarkan tahap kebaikan dia,” katanya.

Tambah Fatimah, Allahyarham



FATIMAH

Perlis. Rupanya dia balik naik helikopter khas kerana ayah.

“Masa tu jenazah ayah dah selamat dikebumikan dan saya lihat dia menangiis di bucu tangga,” kata Rohayati.

Katanya lagi, Allahyarham berniat nak solatkan jenazah tetapi tidak berkesempatan.

“Sikap penyayang serta pemurah yang dimiliki Allahyarham memang sangat saya kagumi,” katanya.

- Timbalan Pengerusi Majlis Penasihat Syariah, Public Bank Bhd
- Ahli Majlis Fatwa Negeri Perlis
- Ahli Majlis Penasihat Syariah, Muamalah Financial Consulting

Politik

Ahli Jawatankuasa Kerja Pas Pusat (1975-1983)

Ketua Penerangan Pas Pusat
Ahli Majlis Syura Ulama Pas
Timbalan Mursyidul Am Pas

Kontroversi

Allahyarham pernah dikecam dengan pelbagai tuduhan dan tohmahan kerana mempertahankan pendirian bahawa kalimah ALLAH tidak boleh digunakan oleh bukan Islam.

Hasil sumbangan beliau dari segi penulisan

Ketekunan dan kesungguhan Allahyarham dalam penyebaran ilmu pengetahuan sepanjang penglibatan beliau dalam dunia akademik dapat dibuktikan dengan penghasilan pelbagai karya ilmiah seperti buku-buku, kajian ilmiah dan kertas kerja.

Antaranya;
Dissolution of Marriage and Related Problem: A Comparative Study of Schools of Law I, 1983
Jawapan Kepada Hadith Satu Penilaian Semula, 1988
Kewajipan Menegak Negara Islam Islam: Panduan Komprehensif Keluarga Bahagia 2007
Rawatan Penyakit Akibat Sihir – Jilid IV 2011

... yang paling peminat dalam kalangan sembilan orang. Kami semua 10 beradik dan dia anak ketiga," katanya.

Fatimah yang pitam sejurus mendapat berita kematian Allahyarham pada jam 10.05 pagi semalam berkata, dia berasa seolah dunianya menjadi sangat gelap dan terlalu sedih.

Kali terakhir Fatimah berjumpa Allahyarham pada 7 September lalu iaitu sebelum beliau berangkat ke Amerika Syarikat.

"Kami berhimpun di rumah Rokiah Din adik keempat kami. Di sana kami makan dan berbual seperti biasa cuma dia ada bergurau tolong doa supaya dia dapat balik dan jumpa adik-beradik lagi selepas pi Amerika Syarikat.

"Sedih saya tengok dia masa tu sebab sambil bercakap sambil duk pegang alat untuk sedut gas sebab penat," katanya.

Difahamkan Fatimah terlalu rapat dengan Allahyarham dan arwah sentiasa meminta kakaknya itu memasak kari kepala ikan dan kuih te-

... yang peminat dalam kalangan sembilan orang. Kami semua 10 beradik dan dia anak ketiga," katanya.

"Habaq ja nak guna duit dia cekak duit dalam beg dia dan bagi. Saya rasa dia sendiri pun tak tau berapa jumlah yang dia bagi," katanya.

Sementara itu, jiran Allahyarham, Rohayati Hasan, 49, berkata, arwah ayahnya memang bersahabat baik dengan Allahyarham.

"Sehingga kini walaupun ayah dah tak dak dia tetap mai rumah saya setiap kali balik Perlis.

"Dari saya remaja sehingga sekarang saya selalu masak untuknya pulut nyoq. Bila tahu dia nak mai saya akan buat makanan kegemaran dia.

"Saya dah anggap dia macam keluarga sebab terlalu rapat sehinggakan anak bongsu saya dia yang bagi nama iaitu Syifa," katanya.

Tambah Rohayati, ketika ayahnya meninggal tiga tahun lalu, dia ada hujung Allahyarham dan beritahu berita kematian ayahnya.

"Sejurus kemudian dia sampai di

Tambah Rohayati, Allahyarham suka membantu orang kampung dengan merawat mereka yang sakit dengan rawatan Islam.

"Semua orang suka dia sebab senang minta tolong. Saya sendiri dia tolong buat air selusuh bagi memudahkan saya melahirkan anak bongsu saya sekarang yang berusia 5 tahun.

"Alhamdulillah proses kelahiran saya sangat mudah meskipun umur saya ketika itu sudah pun mencapai 44 tahun," katanya.

Rohayati berkata, kali terakhir Allahyarham menghubunginya dua bulan lalu bertanyakan tentang perkembangan wasiat arwah ibunya.

"Tbu saya mahukan tanah miliknya diwakafkan menjadi tanah kubur. Walaupun tiada pertalian saudara Allahyarham bagaikan saudara kami juga pada mata kasarnya.

"Kehilangannya sangat dirasai dan berharap urusan pengebumiannya dipermudahkan," katanya.

Kronologi sejarah perubatan Allahyarham Haron Din

- 30 Julai 2011 - Datuk Dr Haron Din mengalami serangan sakit jantung dan mendapat rawatan di Institut Jantung Negara (IJN).
- 25 September 2011 - Haron selamat menjalani rawatan jantung di Stanford Hospital, San Francisco.
- 2 April 2012 - Haron menjalani pembedahan jantung kali kelima di Stanford Hospital, San Francisco.
- 16 Januari 2014 - Haron dimasukkan ke IJN dan menerima rawatan di Unit Rawatan Koronari (CCU).
- 10 September 2015 - Haron dimasukkan ke unit Rawatan Komprehensif IJN berikutan komplikasi jantung.
- 23 Mac 2016 - Haron dimasukkan ke IJN selepas mengadu mengalami sakit dada.

“Semoga ALLAH SWT mencuri rahmat-Nya dan mengampuni Allahyarham Tuan Guru serta mengolongkan beliau dalam kalangan hamba-Nya yang soleh.” - Ketua Penerangan Pas, Nasrudin Hassan



“Takziah buat keluarga dan sanak saudara Allahyarham. Semoga dikurniakan kesabaran dan kekuatan menghadapi saat yang sukar dan sedih.” - Ketua Pemuda Pas, Nik Mohamad Abdul Nik Abdul Aziz



“Bagi pihak saya, keluarga serta seluruh warga PKR, ingin merakamkan ucapan takziah buat keluarga Allahyarham. Semoga ALLAH mengampunkan segala dosa dan menempatkan rohnya dalam kalangan orang yang beriman.” - Presiden PKR, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail